Experts

Pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Talian (ONSA) 2025 di Malaysia

Mon, 01/05/2026 - 11:59

Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (*Online Safety Act, ONSA*) telah berkuat kuasa mulai Januari 2026 sebagai langkah strategik Malaysia menangani peningkatan ancaman siber termasuk penipuan digital, penyebaran kandungan berbahaya dan eksploitasi pengguna dalam talian (Radio Televisyen Malaysia [RTM], 2025; Bernama, 2026a). Akta ini menandakan perubahan penting dalam pendekatan kawal selia digital negara dengan mengalihkan tanggungjawab utama daripada pengguna kepada penyedia perkhidmatan digital berlesen.

Di bawah ONSA, penyedia perkhidmatan seperti platform media sosial dan perkhidmatan kandungan diwajibkan mengesan, mengurus dan menurunkan kandungan berbahaya secara proaktif tanpa perlu menunggu laporan pengguna atau arahan pihak berkuasa (RTM, 2025; DagangNews, 2025). Pendekatan *safer-by-design* turut diwajibkan termasuk penguatkuasaan had umur minimum 16 tahun bagi pemilikan akaun media sosial (RTM, 2025; eCentral, 2025).

Skop pelaksanaan ONSA tertumpu kepada penyedia perkhidmatan berlesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 termasuk *Application Service Provider (ASP), Content Application Service Provider (CASP)* dan *Network Service Provider (NSP).* Pengguna individu tidak dikenakan kewajipan undang-undang secara langsung di bawah akta ini (Bernama, 2026b). Matlamat utama ONSA adalah untuk memastikan platform digital bertindak sebagai pengawal sistem yang bertanggungjawab dalam mengurus risiko kandungan dan melindungi keselamatan pengguna khususnya kanak-kanak, keluarga dan golongan rentan (Bernama, 2026c; DagangNews, 2025).

Tanggungjawab Pengguna Media Sosial

Walaupun ONSA tidak bertujuan menyekat kebebasan bersuara pengguna (Bernama, 2026d), pengguna media sosial tetap mempunyai tanggungjawab sosial untuk menggunakan ruang digital secara beretika dan berhemah. Pengguna digalakkan mematuhi garis panduan platform, tidak menyebarkan kandungan memudaratkan seperti maklumat palsu, kandungan lucah atau ucapan kebencian serta memanfaatkan tetapan keselamatan dan privasi yang disediakan (Bernama, 2026c; DagangNews, 2025).

ONSA juga dijangka meningkatkan pengalaman keselamatan pengguna melalui penyediaan maklumat keselamatan yang lebih jelas, mekanisma pelaporan yang dipermudah dan tindak balas yang lebih pantas daripada platform digital (Bernama, 2026a). Dalam konteks perlindungan kanak-kanak, pengguna, khususnya ibu bapa dan penjaga, bertanggungjawab memastikan pematuhan had umur minimum 16 tahun selaras dengan kehendak undang-undang (RTM, 2025).

Tanggungjawab Pemilik Perniagaan Digital

Pemilik perniagaan digital memainkan peranan penting dalam menyokong objektif ONSA melalui

amalan perniagaan dalam talian yang selamat, telus dan beretika. Usaha membanteras akaun palsu, iklan penipuan dan kandungan scam bukan sahaja melindungi pengguna, malah meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap perniagaan digital (OhMyMedia, 2026).

ONSA mewajibkan platform bertindak pantas menurunkan kandungan penipuan dan spam dalam tempoh ditetapkan, sekali gus membantu mengurangkan kerugian perniagaan kecil akibat jenayah siber (Utusan Borneo, 2025; DagangNews, 2025). Pemilik perniagaan juga disaran memantau reputasi digital mereka, melaporkan aktiviti mencurigakan dan memastikan keselamatan data pelanggan terpelihara. Pendekatan ini selari dengan dapatan bahawa pengesahan awal dan tindakan pantas terhadap kandungan berisiko mampu memulihkan kepercayaan pengguna terhadap jenama (OhMyMedia, 2026).

Tanggungjawab Pembangun Aplikasi

Pembangun aplikasi dan teknologi digital bertanggungjawab mengintegrasikan prinsip *safer-by-design* dalam keseluruhan kitaran pembangunan produk. Ini termasuk penyediaan tetapan keselamatan lalai, mekanisma pengesahan umur, kawalan privasi serta sistem pengesanan penipuan masa nyata (RTM, 2025; DagangNews, 2025).

Selain itu, pembangun perlu memastikan algoritma dan sistem cadangan tidak mempromosikan kandungan berisiko, serta menyediakan amaran keselamatan bagi mengurangkan pendedahan pengguna kepada ancaman siber. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) kini turut menguji kaedah pengesahan umur menggunakan dokumen rasmi seperti MyKad dan MyDigital ID dalam persekitaran *sandbox*, yang memerlukan kerjasama rapat pembangun aplikasi bagi memastikan pematuhan dan perlindungan data peribadi (Bernama, 2026a).

Kepentingan Kerjasama Kolektif

Pelaksanaan ONSA menegaskan bahawa keselamatan digital merupakan tanggungjawab bersama. MCMC menekankan keperluan kerjasama erat antara penyedia perkhidmatan digital, ibu bapa, pendidik, penguat kuasa undang-undang dan masyarakat sivil bagi mewujudkan persekitaran dalam talian yang selamat (Bernama, 2026c). Ketua Polis Negara turut menekankan pendekatan keseluruhan kerajaan yang melibatkan PDRM, MCMC dan kementerian berkaitan dalam memerangi jenayah siber secara bersepadu (Bernama, 2026a; Malay Mail, 2026).

Pakar akademik berpendapat bahawa walaupun peranan keluarga dan sekolah kekal penting dalam pendidikan keselamatan digital, beban utama tidak seharusnya diletakkan sepenuhnya kepada pengguna apabila platform digital memiliki sumber teknologi yang jauh lebih besar (DagangNews, 2025; Utusan Borneo, 2025). Justeru, gabungan penguatkuasaan undang-undang, reka bentuk teknologi beretika dan pendidikan awam merupakan asas kepada kejayaan ONSA dalam jangka panjang.

Kesimpulan

ONSA 2025 memperkenalkan kerangka kawal selia digital yang lebih seimbang dengan menekankan akauntabiliti platform, perlindungan pengguna dan tanggungjawab kolektif. Dengan kerjasama berterusan antara kerajaan, industri dan masyarakat, Malaysia berpotensi membina ruang siber yang lebih selamat, berdaya tahan dan beretika demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Bernama. (2026a, Januari 1). *PDRM: ONSA perkuat akauntabiliti platform digital, keselamatan*

pengguna. https://www.bernama.com

Bernama. (2026b, Januari 1). *ONSA tidak sekat hak kebebasan bersuara pengguna siber – Pengamal perundangan.* https://www.bernama.com

Bernama. (2026c, Januari 1). *ONSA pastikan internet lebih selamat untuk kanak-kanak dan keluarga – MCMC.* https://www.bernama.com

DagangNews. (2025, Disember 27). *Kawalan longgar penyedia platform jejas ekosistem media sosial sehingga mudaratkan pengguna – Ahli akademik.* https://www.dagangnews.com

Malay Mail. (2026, Januari 1). IGP: *Online Safety Act enhances accountability of digital platforms, ensures safer cyberspace for Malaysians.* https://www.malaymail.com

OhMyMedia. (2026, Januari 1). ONSA 2025: *Kukuhkan kepercayaan pelanggan, usahawan kecil lebih yakin berniaga.* https://ohmymedia.cc

Radio Televisyen Malaysia. (2025, Disember 26). *ONSA tangani ancaman keselamatan digital.* https://berita.rtm.gov.my

Utusan Borneo. (2025, Disember 27). *ONSA perkukuh usaha tangani penipuan kewangan dalam talian.* https://www.utusanborneo.com.my



Oleh: Ahmad Ibrahim
E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Penulis ialah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 343 views

View PDF